



## NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Berkuatkuasa pada: 9 September 2024

Tarikh dikemaskini pada:

### ***PELANGGAN YANG DIHORMATI,***

#### **PENGENALAN**

Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) sentiasa komited untuk memastikan Data Peribadi diproses selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709). Notis ini menjelaskan bagaimana MPPD memproses Data Peribadi anda bermula daripada pengumpulan, penggunaan, perkongsian dan pemusnahan serta langkah keselamatan yang diambil untuk memastikan Data Peribadi anda dilindungi sebaiknya.

#### **PENGUMPULAN**

Data Peribadi adalah semua data-data atau maklumat-maklumat yang diperoleh daripada atau dibekalkan oleh anda secara langsung atau tidak langsung termasuklah tetapi tidak terhad kepada nama, gelaran, tarikh lahir, nombor kad pengenalan/passport, jantina, umur, kewarganegaraan, alamat, agama, nombor telefon, nombor faksimili, alamat e-mel, nama syarikat, maklumat perniagaan, maklumat pindahmilik, maklumat perjanjian sewaan premis dan lain-lain (secara kolektifnya Data Peribadi).

#### **SUMBER PENGUMPULAN**

MPPD mendapatkan Data Peribadi daripada anda, daripada wakil yang anda beri kuasa atau daripada sumber yang boleh didapati secara umum termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

1. borang-borang sama ada di laman sesawang [www.mppd.gov.my](http://www.mppd.gov.my) atau secara manual.
2. web log.
3. alamat IP.
4. cookies.
5. maklumat tambahan pihak ketiga.

6. sumber-sumber lain di mana anda telah memberi kebenaran kepada pendedahan data peribadi anda dan/atau dibenarkan oleh undang-undang.
- 

### **TUJUAN PENGUMPULAN**

Anda bersetuju bahawa MPPD boleh menggunakan Data Peribadi anda antara lain untuk tujuan berikut:

1. memproses permohonan anda menggunakan perkhidmatan MPPD.
2. menetapkan jenis perkhidmatan mengikut pilihan anda.
3. menyelesaikan aduan atau masalah perkhidmatan sekiranya berlaku.
4. memperkenalkan sebarang perkhidmatan atau tawaran istimewa.
5. apa-apa tujuan yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak kawal selia yang berkaitan.

### **BAGAIMANA DIPROSES**

MPPD memproses Data Peribadi hanya di dalam Malaysia Sahaja. Tiada Data Peribadi yang dipindahkan ke luar Malaysia. Tiada maklumat peribadi akan dikumpul semasa anda melayari laman web <https://www.mppd.gov.my/> kecuali maklumat yang dikemukakan melalui mana-mana sistem dalam talian MPPD. Sekiranya dasar privasi ini dipinda, pindaan akan dikemas kini dengan maklumat yang dikumpul, cara ia digunakan dan dalam keadaan tertentu, dan bagaimana maklumat yang dikongsi bersama pihak lain.

### **PENZAHIRAN**

MPPD berkemungkinan akan menzahirkan Data Peribadi anda bagi tujuan seperti yang dinyatakan di atas kepada pihak-pihak berkaitan seperti berikut:

1. Kerajaan Persekutuan atau Negeri.
2. Agensi penguatkuasa undang-undang.
3. Agensi-agensi Kerajaan.
4. Syarikat atau organisasi yang bertindak sebagai agen, kontraktor, pengedar, perunding, penyedia perkhidmatan atau pihak ketiga yang MPPD namakan sama ada bersendiri atau secara bersama dengan lain-lain penyedia perkhidmatan.
5. Syarikat atau organisasi yang membantu MPPD dalam memproses dan/atau bagi melaksanakan transaksi dan menyediakan perkhidmatan yang telah anda pilih.
6. Juruaudit, akauntan, dan panel peguam yang dilantik oleh MPPD.

7. Badan-badan penyelaras atau pihak berkuasa Kerajaan yang sejajar dengan keperluan di bawah undang-undang atau ke arah pengesahan dan pencegahan jenayah dan/atau penipuan.
8. Pihak-pihak tertentu MPPD atau pihak yang berkepentingan dengan MPPD yang mungkin perlu didedahkan untuk tujuan undang-undang, mahkamah, *regulator* atau proses guaman.

#### **LANGKAH KESELAMATAN**

MPPD berusaha sedaya upaya dengan mengambil langkah yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi secara lengkap, tepat dan terkini. Sebarang maklumat tidak tepat yang dibawa ke pengetahuan MPPD akan diperbetulkan secepat mungkin setelah diberitahu.

1. Memastikan Data Peribadi anda disimpan dengan sebaiknya mengikut kehendak Akta 709.
2. Memastikan anggota MPPD tidak menyalahgunakan Data Peribadi anda.
3. Mempunyai kontrak perlindungan Data Peribadi dengan pihak pembekal/kontraktor dilantik. Walau bagaimanapun, bagi penggunaan sistem dalam talian, anda bertanggungjawab untuk menjaga kata laluan dengan baik dan tidak menzahirkannya kepada pihak lain bagi mengelakkan risiko pencerobohan terhadap Data Peribadi anda.

#### **TEMPOH PENYIMPANAN**

MPPD menyimpan Data Peribadi anda selama mana yang perlu untuk memenuhi tujuan ia dikumpulkan atau untuk mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan serta keperluan dalaman. Sekiranya anda tidak lagi menjadi pelanggan atau membatalkan kontrak, segala data peribadi akan dihapuskan secara kekal.

#### **PELANGGAN MPPD**

Pelanggan MPPD berhak untuk:

1. membetulkan dan mengemaskini Data Peribadi anda sendiri sahaja.
2. mengakses Data Peribadi anda sendiri sahaja.
3. menghentikan atau menolak meneruskan perkhidmatan MPPD.
4. menarik balik persetujuan memproses Data Peribadi anda sendiri sahaja.
5. meminta Data Peribadi anda sendiri sahaja dipinda bagi tujuan ketepatan dan kesesuaian.

#### **HUBUNGI KAMI**

Sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan atau komen berkenaan pengendalian Data Peribadi yang berkaitan dengan perkhidmatan, anda boleh berhubung melalui talian 06-6471122.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.pdp.gov.my/>

---



Majlis Perbandaran Port Dickson  
KM 1, Jalan Pantai, 71009 Port Dickson, Negeri Sembilan  
Telefon : 06-6471122 Faks: 06-6474984

### BORANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Nama : \_\_\_\_\_

Nombor Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709), bagi tujuan mengumpul, memproses dan menyimpan Data Peribadi anda, persetujuan jelas perlu diperoleh dari anda sebelum sesuatu perkhidmatan dilaksanakan. Bagi tujuan memproses permohonan ini, Data Peribadi anda mungkin perlu didedahkan kepada beberapa pihak tertentu seperti yang dinyatakan di dalam Notis Perlindungan Data Peribadi Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD). Maklumat lanjut berkaitan Notis Perlindungan Data Peribadi MPPD boleh diperoleh melalui portal rasmi MPPD di <https://www.mppd.gov.my/>

#### Deklarasi

Dengan menandatangani borang ini, saya mengisyiharkan bahawa saya telah membaca dan memahami serta bersetuju untuk tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi MPPD dan saya menyatakan persetujuan dan memberi kuasa kepada MPPD untuk:

- meminta, memperoleh, mengumpul, memproses dan menyimpan kesemua maklumat Data Peribadi dalam borang ini bagi tujuan memproses permohonan ini;
- membenarkan MPPD menzahirkan Data Peribadi saya kepada pihak-pihak tertentu seperti yang dinyatakan di dalam Notis Perlindungan Data Peribadi MPPD apabila dikehendaki bagi tujuan yang dinyatakan di dalamnya; dan
- meminta, memperoleh, mengumpul, memproses dan menyimpan kesemua maklumat Data Peribadi dalam borang ini bagi tujuan berkaitan dengan mana-mana produk, perkhidmatan dan promosi yang ditawarkan oleh MPPD.

Ya       Tidak

Saya seterusnya mengesahkan bahawa kesemua Data Peribadi yang telah saya berikan adalah benar, terkini dan tepat. Saya juga faham bahawa saya boleh memohon untuk mendapatkan akses kepada Data Peribadi saya untuk tujuan mengemas kini atau membetulkan data tersebut. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada mana-mana Data Peribadi saya, saya akan memaklumkan kepada MPPD dengan serta merta.

Tandatangan \_\_\_\_\_

Tarikh \_\_\_\_\_

